

PUNAI BAKAU
Cinnamon-headed
Green Pigeon

FAMILI: Columbidae
NAMA SAINTIFIK: *Treron fulvicollis*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa sub-spesies *T.f.fulvicollis* mempunyai dada dan leher berwarna coklat kemerahan. Individu betina hampir sama seperti Punai Lungguak, *T.curvirostra*, tetapi dasar bahagian paruh yang berwarna merah adalah lebih tirus, lingkaran sekeliling mata lebih sempit, bahagian atas kepala lebih hijau manakala paha berwarna kuning dan bulu pahat bawah ekor berjalur. Individu juvenil hampir sama seperti individu betina. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 25.5 sm-26 sm.

TABURAN

Spesies ini merupakan spesies residen di Sumatera dan Borneo. Di Asia Tenggara, spesies ini merupakan spesies residen yang jarang ditemui di selatan Tenasserim, selatan Thailand dan Semenanjung Malaysia. Di Singapura, ianya merupakan spesies pelawat luar musim pembiakan.

MAKANAN

Secara umumnya, dietnya terdiri daripada buah-buahan.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan paya air tawar, hutan paya bakau, hutan di persisiran pantai, hutan sekunder dan tanah pamah (jarang-jarang sehingga 1,250 m dari aras laut di Semenanjung Malaysia).

LOKASI DI MANA IA PERNAH DITEMUI

Di Semenanjung Malaysia, spesies ini pernah direkodkan di Taman Negara.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang hampir sama dengan Punai Daun, *T.olax*, iaitu *wiiiiiii-iu iiu-iui iui-iuwu* tetapi lebih panjang.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Januari hingga Jun. Individu betina hanya menghasilkan 2 biji telur berwarna putih semasa musim pembiakan. Sarangnya berbentuk seperti platform, dibina pada pokok, 4.5 meter dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.